



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Oktober 27, 2014

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

EN | RU | AR

## BERITA »

### 75 penyelidik berjaya meraih pingat emas di PRPI 2014

Oleh Hafiza Hussin  
Foto oleh Noor Azreen Awang



**SERDANG, 2 Okt.** – Seramai 75 penyelidik berjaya meraih pingat emas, 78 pingat perak dan 55 pingat gangsa di Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) yang berlangsung pada 30 September 2014 dan 1 Oktober 2014 yang lalu.

Terdapat 11 kategori yang dipertandingkan dan dipamerkan, iaitu pertanian dan makanan, sains gunaan dan kejuruteraan, biosistem dan bioteknologi, perniagaan, ekonomi dan gavernan, alam sekitar dan tenaga, perhutanan dan biodiversiti, kemanusiaan dan pembangunan nusa bangsa, sains halal dan pengurusan, kesihatan dan kesejahteraan hidup, sains matematik, teknologi maklumat dan komunikasi dan sains dan teknologi bahan.

Prof. Madya Dr. Maha Abdullah daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan memperolehi kejayaan yang membanggakan apabila telah berjaya meraih emas sekaligus menggondol anugerah terbaik, *Best Award* melalui penyelidikannya, *Combined chemistry anticoagulant to prevent rapid blood clotting in warm water fish*

Inovasi ini berkaitan dengan komposisi anitikoagulan darah ikan yang baharu dan lebih efektif yang menggabungkan dua agen chelating yang terbaik, iaitu EDTA dan trisodium sitrat dalam nisbah yang isotonik kepada fisiologi ikan. Antikoagulan ini telah digunakan dengan berkesan bagi menghalang pembekuan darah dalam ikan.





Selain penyertaan daripada penyelidik UPM, PRPI 2014 juga masih mengekalkan penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah untuk turut bertanding. Sekolah yang telah berjaya merangkul anugerah khas adalah Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan yang meraih dua anugerah, iaitu *Best Commercial Value Award* dan *Best Prototype Award* bagi inovasi Plastik Bakteria Kulit Pisang dan *Hatch Tech*.

Manakala Kolej Vokasional Slim River merangkul anugerah *Best Innovation Award* bagi inovasi *B-GRIP (Brilliant Grip)* dan SMK Seri Indah untuk anugerah *Best Booth Award* bagi inovasi Sisa Sifar Organik Maksima (SISOM) dan Tuaian Air Hujan Meningkatkan Kesuburan Tanaman.

Anugerah disampaikan oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Ramlan, Naib Canselor dengan iringan Prof. Madya Samsilah Roslan, Pengarah Putra Science Park dan nama pemenang-pemenang diumumkan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila.

